

## UMT Tempat Ketiga Anugerah IPT Bebas Denggi Peringkat Kebangsaan 2023

Oleh: Dr Daeng Malis bin Ab. Kahar/  
Tengku Nuriah binti Tengku Abdul Rahman & Nur Azima binti Mat Zin

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah dinobatkan pemenang tempat ketiga dalam Anugerah Insitusi Pengajian Tinggi (IPT) Bebas Denggi Peringkat Kebangsaan tahun 2023. Anugerah telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan bertempat di Summit Hotel Subang USJ pada 15 Oktober 2023 bersempena Konvensyen MyChampion @KKM.

Pengarah Pusat Kesihatan Universiti (PKU), Dr Arnie A Rahim telah mewakili UMT bagi menerima hadiah berupa wang tunai RM2,000.00 dan sijil penyertaan. Pertandingan tersebut merupakan anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia bersama Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

UMT melalui PKU dengan kerjasama fakulti, Kolej Kediaman dan Pejabat Pembangunan dan Harta (PPH) telah memainkan peranan yang signifikan bagi melayakkan UMT disenaraikan pendek dalam penjurian lapangan yang telah diadakan pada 25 September 2023 lalu.

Antara tempat yang dilawati dan dinilai adalah Bangunan Canselori, Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin dan Blok Ibnu Hibban, Kolej Kediaman dan persekitaran UMT.



Pembentangan laporan dan pemeriksaan melibatkan dokumen berkaitan penglibatan serta pengendalian semua pihak pengurusan UMT dalam usaha membanteras wabak denggi, aktiviti kebersihan dalam kampus dan komuniti sekitar, program kesedaran & projek inovasi yang berkaitan.

Penjurian dijalankan oleh pegawai dari KPKT, KKM dan KPM. Pemeriksaan turut memastikan tiada bekas dan kawasan berpotensi menakung air serta tempat pembiakan nyamuk aedes sekitar dalam & luar bangunan.

Terdahulu, para juri diberikan taklimat secara menyeluruh mengenai aktiviti yang dilaksanakan oleh UMT dalam usaha membanteras wabak denggi. Turut memberikan sokongan adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) merangkap Pengurus Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMT, Profesor Chm. Dr. Marinah Mohd Ariffin dan Pendaftar, Tuan Haji Zukiferee Ibrahim.

UMT merupakan antara enam IPT yang terpilih untuk ke peringkat akhir selain Universiti Islam Antarabangsa Kampus Kuantan dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Turut terlibat adalah Kolej Matrikulasi Perak, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Teknologi MARA cawangan Selangor.

Tahniah dan syabas diucapkan semua warga UMT terutama ahli jawatankuasa pelaksana termasuklah PKU, Majlis Perwakilan Pelajar, Skuad Cegah Aedes Kolej Kediaman (SCAKK), pasukan Green Living & Green Rangers dan pensyarah-pensyarah yang telah memberikan komited yang terbaik sehingga UMT dinobatkan tempat ketiga dalam anugerah tersebut.

Tempat pertama telah dimenangi oleh Universiti Teknologi MARA Puncak Alam Cawangan Selangor manakala naib johan disandang oleh Kolej Matrikulasi Perak.

